# SIARAN AKHBAR

**S.A. 2021/05/78 (HQ)**

**TNB PAMER PRESTASI BERDAYA TAHAN PADA 1QTK2021 MESKIPUN BERDEPAN KESAN BERPANJANGAN TERUTAMANYA BERIKUTAN COVID-19**

- PAT Kumpulan meningkat kepada RM973.5 juta terutamanya berikutan kerugian translasi
- Penguncupan permintaan elektrik menurun kepada 0.3%
- RM7.3 bilion *capex* yang dikawal selia dirancang untuk 2021 bagi merangsang ekonomi

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** meneruskan prestasi berdaya tahan pada Suku Pertama Tahun Kewangan 2021 (1QTK2021) meskipun berdepan cabaran pandemik COVID-19. Keuntungan selepas cukai (PAT) Kumpulan meningkat kepada RM973.5 juta berbanding RM736.7 juta pada tahun sebelumnya. Keuntungan yang lebih tinggi disebabkan pergerakan pasaran, terutamanya tukaran matawang asing yang menyaksikan Kumpulan mencatatkan kerugian translasi tukaran matawang yang lebih rendah sebanyak RM56.8 juta (RM388 juta tahun sebelumnya).

Pendapatan Kumpulan menyusut 1.5% tahun-ke-tahun kepada RM11,478 juta daripada RM11,654.5 juta disebabkan jualan elektrik yang lebih rendah. Jualan elektrik terus menyusut walaupun pada penguncupan yang lebih rendah kepada 0.2% tahun-ke-tahun pada 29,316.6GWh daripada 29,374.9 GWh pada 1QTK2020. Ini disokong oleh polisi Kerajaan yang membenarkan aktiviti ekonomi untuk terus beroperasi.

“Dengan aktiviti ekonomi yang dibenarkan beroperasi semula, penguncupan dalam permintaan elektrik semakin mengecil daripada 12.9% pada TK2020 kepada 0.3% pada suku pertama yang berakhir 31 Mac 2021,” kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din.

“Margin EBITDA bagaimanapun bertambah kepada 43.3% pada 1QTK2021 disebabkan penurunan 6.5% dalam perbelanjaan operasi pada 1QTK2021 berikutan kos penjanaan yang lebih rendah akibat permintaan dan harga gas yang rendah. EBITDA yang tinggi juga disokong oleh perniagaan penjanaan yang mencatatkan prestasi hidro yang lebih baik berikutan musim tengkujuh pada suku tersebut.”

Kutipan juga meningkat dari Jun 2020 hingga Mac 2021 disebabkan kadar kecekapan kutipan yang meningkat daripada 91% kepada 97% berikutan kempen berterusan bagi menggalakkan dan memudahkan pembayaran menerusi pelbaga saluran pembayaran termasuk applikasi myTNB, tambah beliau.

**Prestasi Subsidiari Syarikat Yang Memuaskan, Sasaran RE Di Landasan Betul**

Baharin menjelaskan prestasi subsidiari Kumpulan kekal memuaskan pada suku pertama tahun ini, disokong oleh pelonggaran pada perintah kawalan pergerakan sejak tahun lalu. “Kami menjangkakan momentum ini akan berterusan memandangkan kebanyakan perniagaan dibenarkan beroperasi pada PKP kali ini.”

Berkenaan aspirasi tenaga boleh diperbaharui (RE) TNB, Baharin berkata Kumpulan masih berada di landasan yang tepat untuk mencapai sasaran RE 8.3 GW menjelang 2025. TNB telah memperoleh kapasiti penjanaan 85 MW daripada solar bumbung menerusi subsidiari milik penuhnya GSPARX; telah tersenarai pendek untuk melaksanakan satu lagi projek solar berskala besar (LSS) 50 MW di Bukit Selambau, Kedah (menjadikan jumlah keseluruhan daripada LSS kepada 130 MW); dan akan membina empangan 300 MW Nenggiri di Kelantan, sebaik sahaja diluluskan Suruhanjaya Tenaga (ST). Ini akan membawa tambahan 300 MW kepada kapasiti terpasang hidro sedia ada iaitu 2,536.1 MW.

“Diperingkat antarabangsa, kerjasama kami di Singapura dan Vietnam mula membuahkan hasil, seterusnya meletakkan kami lebih hampir untuk memeterai perniagaan baharu di pasaran Asia Tenggara. Bagi komitmen kelestarian kami pula, TNB sedang mengatur Hala Tuju Kelestarian kami. Kami berharap untuk melakukan pengumuman penting mengenainya pada separuh kedua tahun ini.”

Mengenai kemajuan yang dicapai oleh TNB Power Generation Sdn Bhd (TPGSB), Baharin menyatakan bahawa subsidiari penjanaan milik penuh TNB itu mencatatkan pertumbuhan EBIT 57% berikutan penjanaan hidro yang lebih tinggi ketika musim tengkujuh. Dengan pembetukan TPGSB tahun lalu, TNB menjangkakan untuk meningkatkan prestasi stesen-stesen janakuasanya menerusi pelbagai inisiatif pencegahan dan pembetulan.

“TPGSB turut berjaya mengoperasikan stesen Southern Power Generation yang dimilikinya sebanyak 70 peratus walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran berikutan pandemik dan dapat meningkatkan produktiviti sebanyak 93%.”

**Libat urus Positif Dalam Perbincangan RP3, Pelaburan *Capex* untuk Dorong Ekonomi & Cipta Peluang Pekerjaan**

Mengulas mengenai perbincangan Tempoh Kawal Selia 3 (RP3) bersama ST, Baharin berkata sesi libat urus dengan pihak berkenaan adalah positif setakat ini.

“Kami akan meneruskan usaha mendapatkan pulangan yang wajar dan berpatutan, memandangkan pelaburan daripada pulangan yang kecil mampu mendatangkan risiko kepada daya tahan rangkaian elektrik, menyebabkan kegagalan untuk memenuhi permintaan pelanggan yang sentiasa meningkat dan berubah, serta mengganggu usaha peralihan tenaga Malaysia.”

Pada suku pertama 2021, Baharin berkata TNB telah menggunakan 22.2 peratus daripada perancangan perbelanjaan modal yang dikawal selianya (*capex*). “Kumpulan berada pada landasan yang betul untuk mencapai sasaran pelaburan RM7.3 bilion seperti dirancang bagi tahun ini untuk meningkatkan sistem bagi pembangunan dan pertumbuhan masa hadapan, dan pada masa yang sama mengekalkan kestabilan bekalan elektrik negara.”

“Bergantung kepada kelulusan ST, sepanjang RP3 (2022 hingga 2024), Kumpulan dijangka untuk melabur tambahan RM24 bilion bagi *capex*. Pelaburan itu akan membantu merangsang ekonomi dan membuka 194,000 peluang pekerjaan setiap tahun, atau kira-kira 584,000 pekerjaan bagi tempoh 2022-2024.”

Di masa hadapan, beliau berkata TNB menjangkakan impak kekangan pergerakan tahun ini adalah tidak terlalu teruk berbanding TK2020 memandangkan kebanyakan perniagaan dibenarkan beroperasi ketika PKP atau PKPB.

“Namun, pendapatan entiti dikawal selia kami dijamin pada pertumbuhan permintaan atau berdasarkan 2.9% pertumbuhan permintaan seperti yang ditetapkan oleh garis panduan Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR),” tambahnya.

**Prospek**

Tahun 2020 adalah tahun yang sangat mencabar di mana ekonomi telah merosot sebanyak 5.6%. Namun, untuk suku pertama 2021, ekonomi Malaysia mencatatkan penyusutan yang lebih rendah iaitu negatif 0.5% berbanding negatif 3.4% pada suku empat, 2020. "Prestasi yang lebih baik ini disokong terutamanya oleh peningkatan permintaan dalam negeri dan prestasi eksport yang kukuh". (Bank Negara)

Meskipun penguatkuasaan semula kekangan pergerakan baru-baru ini, impak terhadap pertumbuhan dijangka tidak terlalu merosot seperti yang dialami pada tahun 2020 kerana lebih banyak sektor ekonomi dibenarkan beroperasi. Dengan sokongan polisi yang berterusan, ekonomi Malaysia tetap berada di landasan pemulihan pada tahun 2021 dan seperti yang diunjurkan oleh Bank Negara, ekonomi dijangka pulih antara 6.0% dan 7.5%.

Susulan perkembangan semasa pandemik, Lembaga Pengarah menjangkakan prospek pemulihan secara beransur-ansur terhadap prestasi Kumpulan untuk tahun 2021, yang disokong oleh pemulihan ekonomi Malaysia dan Global. Kumpulan telah mengambil langkah-langkah yang berhemat dari segi keperluan operasi dan kewangan untuk memastikannya kekal berdaya tahan.

## Paparan Keputusan Kewangan

| RM' Juta | 3 Bulan Berakhir<br>31 Mac 2021 | 3 Bulan Berakhir<br>31 Mac 2020 |
|---|---|---|
| **Jumlah Pendapatan** | 11,478.0 | 11,654.5 |
| **Perbelanjaan Operasi** | (9,146.5) | (9,544.6) |
| **Pendapatan Operasi Lain** | 176.7 | 215.5 |
| **Lebihan Operasi (EBIT)** | 2,327.8 | 2,223.8 |
| **Kos Kewangan** | (931.9) | (898.0) |
| **Keuntungan / (Kerugian) Tukaran Wang Asing** | (56.8) | (388.0) |
| **Keuntungan bersih (sebelum Keuntungan/ (Kerugian)) Tukaran Wang Asing** | 1,015.5 | 1,105.9 |
| **Keuntungan Bersih yang Diagihkan kepada Pemilik Syarikat** | 958.7 | 717.9 |
| **Keuntungan Tempoh Berkenaan** | 973.5 | 736.7 |
| **Pendapatan sesaham** | 16.81 sen | 12.62 sen |

**Mengenai Tenaga Nasional Berhad**

*Aktiviti teras TNB merangkumi bidang penjanaan, grid dan pembahagian tenaga elektrik. Selain menjadi syarikat penjana elektrik utama negara, TNB turut menghantar dan mengagihkan elektrik ke seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 31 Mac 2021, TNB membekalkan elektrik kepada kira-kira 10.1 juta pelanggan.*

*Melalui anak-anak syarikatnya, TNB turut terlibat dalam aktiviti pembuatan alat ubah, perkakas suis dan kabel bervoltan tinggi; perkhidmatan perundingan profesional, pembinaan, operasi dan penyenggaraan kemudahan penyejukan daerah, peralatan penjanaan, pembaikan dan penyenggaraan, perkhidmatan pembekalan bahan api; perkhidmatan berkaitan tenaga boleh baharu, kecekapan tenaga dan kualiti kuasa; pengajian tinggi dan latihan kemahiran serta menjalankan kajian dan pembangunan (R&D).*

*Sebagai pembekal tenaga elektrik bersepadu, TNB telah dan akan terus melaksanakan peranan pentingnya dalam menggerak kemajuan negara. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.tnb.com.my.*

S.A. 2021/05/78 (HQ)

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 27 Mei 2021, jam 7:00 malam**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /*
*Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524*
*atau emel kami: media@tnb.com.my*




**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** meneruskan prestasi berdaya tahan pada Suku Pertama Tahun Kewangan 2021 (1QTK2021) meskipun berdepan cabaran pandemik COVID-19



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din